

25 FEB 1998

MAHATHIR RAI KANAK-KANAK

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini turut meraikan kira-kira 200 kanak-kanak dari 14 rumah kebajikan dan anak yatim seluruh Wilayah Persekutuan dan Selangor pada Majlis Hari Kanak-kanak anjuran Badan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di kediamannya, Seri Perdana.

Ketibaannya disambut oleh Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan timbalannya Datin Seri Dr Wan Azizah sambil diiringi tarian singa dan paluan gendang.

Pada majlis itu Dr Mahathir menyampaikan sumbangan Hari Raya dan Gong Xi Fa Cai kepada setiap kanak-kanak yang tidak bernasib baik itu.

Di samping persembahan tarian tradisional oleh kanak-kanak itu, para hadirin juga dihiburkan dengan nyanyian oleh anggota Bakti. Dr Siti Hasmah turut mendendangkan lagu "Masihkah Kau Ingat" manakala Dr Wan Azizah menunjukkan bakat terpendamnya dengan berjenaka dengan bercakap dalam loghat Siam sambil mempersendakan beberapa isu antarabangsa termasuk Saddam Hussein dan Presiden Clinton. -- BERNAMA

ZAB PR